

26/05/1999

Ekonomi negara semakin pulih

PERANGKAAAN yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia minggu ini menunjukkan `suasana paling buruk benar-benar sudah berakhir' bagi Malaysia.

Ini sekali gus dijangka menghasilkan `penguncupan jauh lebih kecil' dalam pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku pertama 1999.

Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan penasihat bank pusat itu, Datuk Nor Mohamed Yakcop, pemulihan ekonomi sudah bermula pada suku ketiga tahun lalu, berikutan pelaksanaan kawalan tukaran asing pada September 1998.

Ini menyediakan negara dengan `laluhan stabil ke arah pemulihan ekonomi'. KDNK yang `positif' dijangkakan bagi keseluruhan tahun ini. Kerajaan mengunjurkan pertumbuhan satu peratus KDNK tahun ini.

Jabatan Perangkaan dijangka mengumumkan KDNK suku pertama pada akhir bulan ini atau awal bulan depan.

Minggu lalu, dalam sidang akhbar mengumumkan rombakan Kabinet bagi kali kedua tahun ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pelbagai angka tanda di negara ini menunjukkan ekonomi Malaysia `agak baik', dengan pertumbuhan suku pertama 1999 di dalam anggaran kerajaan.

Ahli ekonomi dan penganalisis mengunjurkan penguncupan bagi suku pertama (1999), tetapi lebih kecil daripada suku terakhir 1998. Kemungkinan besar penguncupan di sekitar 1.7 peratus dalam KDNK pada suku pertama tahun ini, kata mereka.

Perangkaan Bank Negara, anatara lain menunjukkan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur mencecah 758.10 mata dengan permodalan pasaran RM464.57 bilion semalam, berbanding 262.7 mata dengan permodalan pasaran RM181.5 billion setakat 1 September tahun lalu.

Rizab asing Bank Negara meningkat kepada AS\$29.7 bilion setakat 15 Mei tahun ini, mencukupi untuk membiayai 6.5 bulan import tertanggung berbanding AS\$20.2 bilion pada September tahun lalu (3.8 bulan import tertanggung).

Malah, perangkaan itu adalah satu `angka bersejarah kerana ia lebih baik berbanding ketika ekonomi baik sebelum ini iaitu di antara tiga dan empat bulan import tertanggung.'

Eksport dan import kasar Malaysia juga masing-masing meningkat kepada AS\$6.8 bilion dan AS\$5 bilion pada Mac lalu, berbanding AS\$5.8 bilion dan AS\$4.3 bilion pada 1 September 1998.

Lebih dagangan pada Mac tahun ini adalah bulan ke-17 berturut-turut sejak November 1997.

(END)